

10 SEP 2002

DUKE OF GLOUCESTER JUMPA PERDANA MENTERI

PUTRAJAYA, 10 Sept (Bernama) -- Duke of Gloucester Putera Richard hari ini menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali di Seri Perdana di sini.

Putera Richard dan isteri sedang dalam lawatan rasmi selama tiga hari, mulai Ahad bertujuan untuk mengeratkan hubungan antara Malaysia dan Britain.

Kunjungan itu serentak dengan dua misi perdagangan dari Persatuan Pembekal Pendidikan British dan Biro Rundingan dan Pembinaan British.

Duke of Gloucester adalah presiden kedua-dua badan itu.

Rombongan itu termasuk 24 wakil daripada 17 buah syarikat Britain.

Semalam, baginda dan rombongan mengadakan rundingan meja bulat dengan Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu dan pegawai kementeriannya.

Prince Richard dan isteri turut mengadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid di Istana Negara, semalam.

Esok, pasangan diraja itu dijadual melawat Sekolah Antarabangsa Alice Smith di sini sebelum berlepas balik ke Britain.

-- BERNAMA

AT LES MOZ